



PINDAHMILIK TANAH
UNIT PENDAFTARAN TANAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON
TEL: 06-6471555

LANGKAH 1 : PENGISIAN BORANG 14A (PINDAHMILIK TANAH, BAHAGIAN ATAU PAJAKAN)

- Isi borang dengan **PEN DAKWAT CAIR BERWARNA HITAM SAHAJA**.
- Maklumat pemberi (tuanpunya tanah) dan penerima (pembeli) hendaklah mengikut Kad Pengenalan masing-masing.
- Hanya maklumat tertentu yang perlu diisi dalam Borang 14A. (Rujuk Borang 14A yang dilampirkan).
- Borang 14A yang telah diisi lengkap perlu ditandatangani **DI HADAPAN PEGAWAI**.

LANGKAH 2 : PENYAKSIAN BORANG 14A

- Pemberi dan penerima perlu **HADIR SENDIRI** untuk menandatangani Borang 14A di hadapan Pentadbir Tanah.

SENARAI SEMAK PENYAKSIAN

BIL	DOKUMEN	ADA?
1	Borang 14A asal	
2	Hakmilik asal	
3	Kad Pengenalan asal Pemberi dan Penerima Pindahmilik Tanah	
4	Surat Kebenaran Pindahmilik tanah kelulusan Pentadbir Tanah/Menteri Besar (Jika tanah mempunyai Sekatan Kepentingan)	
5	Salinan resit cukai tanah semasa yang telah dijelaskan	

LANGKAH 3 : TAKSIRAN DUTI SETEM

SENARAI SEMAK TAKSIRAN DUTI SETEM

BIL	DOKUMEN	SALINAN	ADA?
1	Borang 14A asal		
2	Salinan Borang 14A	1 salinan	
3	Borang PDS 15 (Seksyen 5)	2 Salinan	
4	Salinan hakmilik (Jika Geran lama, sertakan Sijil Carian Rasmi saiz A)	1 salinan	
5	Salinan Kad Pengenalan pemberi dan penerima Pindahmilik Tanah	1 salinan	
6	Salinan Sijil Lahir (Hubungan Ibu Bapa / Anak) – Jika Berkaitan	1 salinan	
7	Salinan Sijil Perkahwinan (Hubungan Suami / Isteri) – Jika Berkaitan	1 salinan	
8	Salinan Surat Perjanjian Jual Beli (Jika Berkaitan) ATAU Salinan Surat Persetujuan Pindahmilik Tanah (bagi kes tiada S&P tapi ada harga balasan)	1 salinan	
9	Salinan resit cukai tanah semasa yang telah dijelaskan	1 salinan	
10	Salinan Surat Kebenaran Pindahmilik (Jika Berkaitan)	1 salinan	

Hantar kepada:

**TIMBALAN PEMUNGUT DUTI SETEM
CAWANGAN SEREMBAN
MENARA MAA, TINGKAT 16
NO.1, JALAN LINTANG
70200 SEREMBAN**
Tel : 06-7665030 / 06-7665059
Faks : 06-7625339

MAKLUMAN:

1. Tempoh proses permohonan Duti Setem selama 2-3 minggu setelah memperoleh nilai hartanah.
2. Notis Taksiran Duti Setem akan dikeluarkan sebaik Nilai Hartanah diperoleh. Sila hubungi pejabat ini jika belum terima.
3. Kemukakan Notis Taksiran dan Borang 14A semasa membuat bayaran.
4. Waktu bayaran : 8.00 pagi hingga 3.30 petang (Isnin hingga Jumaat)

SILA AMBIL PERHATIAN!!!

BORANG 14A HENDAKLAH DIKEMUKAKAN UNTUK URUSAN PENDAFTARAN PINDAHMILIK TANAH DI PEJABAT TANAH PORT DICKSON / PEJABAT PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SEMBILAN DALAM TEMPOH TIGA (3) BULAN DARI TARIKH PENYAKSIAN. SEKIRANYA LEWAT DARIPADA TEMPOH TERSEBUT, DENDA LEWAT AKAN DIKENAKAN MENGIKUT FEE BAYARAN PENDAFTARAN. (MAKSIMUM DENDA LEWAT TIDAK MELEBIHI LIMA (5) KALI FEE PENDAFTARAN).

LANGKAH 4 : PENDAFTARAN BORANG 14A (PINDAHMILIK TANAH)

SENARAI SEMAK PENDAFTARAN

BIL	DOKUMEN	ADA?
1	Borang 14A asal	
2	Sijil Setem asal	
3	Notis Taksiran Pindahmilik Harta Tanah yang asal	
4	Hakmilik asal	
5	Surat Kebenaran pindahmilik yang asal (jika berkaitan)	
6	Salinan resit cukai tanah semasa yang telah dijelaskan	
7	Salinan Kad Pengenalan Pemberi dan Penerima Pindahmilik Tanah	

- Hantar dokumen di atas ke jabatan di bawah mengikut jenis hakmilik tanah:

HS(M)/PAJAKAN MUKIM (PM)/GERAN MUKIM (GM)/EMR	HS(D)/PAJAKAN NEGERI (PN)/GERAN (GRN)/CT
UNIT PENDAFTARAN, TINGKAT BAWAH PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH 71009 PORT DICKSON Tel : 06-6471555 samb. 1001	PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SEMBILAN TINGKAT BAWAH, WISMA NEGERI 70503 SEREMBAN Tel : 06-7659842

- Kadar bayaran pendaftaran pindahmilik (berdasarkan Nilai Pasaran)

1	RM25,000.00 dan kurang	RM 25.00
2	RM25,001.00 hingga RM50,000.00	RM 50.00
3	RM50,001.00 hingga RM75,000.00	RM 75.00
4	RM75,001.00 hingga RM100,000.00	RM 100.00
5	RM100,001.00 hingga RM150,000.00	RM 150.00
6	RM150,001.00 hingga RM200,000.00	RM 200.00
7	RM200,001.00 hingga RM250,000.00	RM 250.00
8	RM250,001.00 hingga RM500,000.00	0.15%
9	RM500,001.00 hingga RM 1,000,000.00	0.20%
10	Melebihi RM1,000,000.00	0.25%